

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2018/2019

Disember 2018/Januari 2019

HKN420 - Isu-Isu Pensejarahan Kesusasteraan Nusantara

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab DUA soalan Bahagian A dan DUA soalan Bahagian B.

Jawab Bahagian A dan Bahagian B dalam buku jawapan yang berasingan.

...2/-

SULIT

Bahagian A

1. Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah periodisasi dalam penulisan sejarah kesusasteraan? Bahaskan kekuatan dan kelemahan kaedah tersebut.

[100 markah]

2. "Penjajahan Barat banyak memberi kesan terhadap kemerosotan sastera Melayu di Alam Nusantara dan dalam masa yang sama telah menumbuhkan unsur-unsur dan karya baharu dalam sejarah perkembangan sastera Melayu" (Parnickel, 1995).

Dengan melihat senario pensejarahan kesusasteraan di Nusantara waktu itu, bincangkan sejauh mana pandangan sarjana ini benar.

[100 markah]

3. Pulau Pinang dan Singapura telah berperanan memunculkan kesusasteraan Melayu moden pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Bincangkan secara kritis faktor-faktor yang telah membawa kepada pemodenan sastera tersebut.

[100 markah]

4. ASAS 50 telah memainkan peranan penting dalam perkembangan kesusasteraan Melayu sekitar tahun 1950-an dengan membawa slogan "Seni untuk Masyarakat". Bahaskan sejauhmanakah slogan "Seni untuk Seni" mampu mencabar slogan "Seni untuk Masyarakat"?

[100 markah]

...3/-

SULIT

Bahagian B

5. Penobatan Abdullah bin Abdul Kadir sebagai "Bapa Kesusasteraan Melayu Moden" merupakan satu usaha orang Barat untuk menyierahkan kehadiran mereka. Berikan penilaian kritis anda tentang pernyataan ini.

[100 markah]

6. Bincangkan peranan dan sumbangan Chairil Anwar kepada perkembangan kesusasteraan Indonesia dari segi pemikiran dan bentuk puisinya.

[100 markah]

7. Pramoedya Ananta Toer merupakan seorang pengarang kontroversi dalam sejarah kesusasteraan Indonesia moden. Bahaskan.

[100 markah]

8. Rincikan apa yang anda faham dengan konsep kesusasteraan kebangsaan. Seterusnya, bahaskan pendapat-pendapat yang menyelubungi polemik kesusasteraan kebangsaan ini.

[100 markah]

- oooOooo -